



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

MAY 2024
INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologi
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia



Coretan Kejayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sarawak

Disediakan oleh
Profesor Madya Ts ChM Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Pada 2 hingga 4 September 2022, telah berlangsung *Meeting of Students Affairs Administrator (MoSAA)* di Marina Island Pangkor Resort, Lumut, Perak. Program ini merupakan program tahunan yang menghimpunkan pegawai-pegawai di Bahagian Hal Ehwal Pelajar dari seluruh Malaysia. Matlamat utama program ini adalah untuk untuk memperkasakan pengurusan Hal Ehwal Pelajar UiTM secara menyeluruh. UiTM Cawangan Sarawak telah diwakili oleh Timbalan Rektor HEP sendiri iaitu Profesor Madya Ts ChM Dr. Mohammad Isa Mohamadin, Puan Norhayati Umar, Puan Ummi Aminah Zamhari dan Encik Wan Abdul Rahim Wan Ahmad. Kemuncak program ini ialah majlis makan malam dan penyampalan anugerah kepada para pemenang dari pihak pengurusan HEP. Meskipun pengurusan dan pembangunan pelajar di BHEP UiTM Cawangan Sarawak menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan, kita telah berjaya merangkul dua anugerah pada malam tersebut. Anugerah Pengurusan Akademik Kokurikulum Cemerlang telah menjadi milik BHEP UiTM Cawangan Sarawak, sekaligus membuktikan keberkesanan pengurusan Kokurikulum di UiTM Cawangan Sarawak. Anugerah Inovasi & Inisiatif Baharu juga telah kita menangi. Ini juga merupakan satu testimoni kepada usaha dan inisiatif BHEP UiTM Cawangan Sarawak dalam membudayakan pelbagai pendekatan dan pengoperasian cara baru untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Dalam mendepani pelbagai isu pengurusan pelajar, penetapan hala tuju dan perancangan teratur amat penting. Dan pengiktirafan melalui anugerah sebegini juga amat penting sebagai sumber motivasi untuk terus meningkatkan usaha agar lebih berjaya di masa akan datang.

